

29/08/2003

Buku kupas dasar luar Dr Mahathir

BUKU: Dasar Luar Malaysia Era Dr Mahathir Mohamad Dalam Menangani Isu-Isu Islam Di Peringkat Antarabangsa

PENERBIT: One Touch Creative Enterprise

PENULIS: Dr Mohamad Nasran Mohamad dan Mohamad Faisal Ashaari

HUBUNGAN sesama manusia khususnya di antara negara ada kalanya berlaku dalam keadaan aman dan harmoni. Ada kala hubungan itu berlaku dalam situasi permusuhan dan peperangan.

Hubungan ini jika tidak didasari unsur keagamaan, nescaya akan dibelenggu oleh unsur kepentingan, keegoan, berpuak-puak dan sebagainya.

Justeru, Islam menyusun kaedah dan tata cara perhubungan di antara manusia sesama manusia atau `hablun minannas' agar mereka dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera.

Kewujudan negara Islam Madinah yang membawa satu piagam yang diterima pakai seluruh masyarakat adalah satu model bahawa Islam amat mengutamakan hubungan sesama manusia melalui pembentukan dasar luar yang ideal serta saksama.

Oleh itu, buku ini mengupas kedudukan dan fungsi Islam terhadap pelaksanaan dasar luar terutama yang dilaksanakan negara sepanjang era kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari 1981 hingga 2001.

Sepanjang tempoh itu, kedudukan Islam diberi perhatian istimewa dalam dasar luar negara berbanding zaman sebelumnya.

Perkara ini boleh diamati melalui pembabitan aktif Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan pelbagai pertubuhan antarabangsa yang bermatlamatkan ke arah pembentukan keamanan serantau.

Faktor penting yang menyumbang kepada keadaan ini ialah penggubal dasar iaitu pemimpin yang mahukan negara sentiasa berada di mercunya, di samping sokongan dan komitmen rakyat melalui parti politik serta badan bukan kerajaan.

Di antara dimensi Islam yang mendasari dasar luar negara ialah keprihatinan ke atas masalah yang menimpa umat Islam sejagat. Ini dapat dilihat melalui pemberian bantuan modal dan material serta pembabitan aktif dalam OIC. Malaysia turut menekankan aspek ekonomi sebagai asas untuk menjadi negara maju dan memperjuangkan masalah yang dihadapi umat Islam ke peringkat antarabangsa.

Buku ini mengandungi empat bab di samping lampiran yang memuatkan data serta maklumat mengenai kedudukan ekonomi negara, perangkaan perdagangan dengan negara luar serta susunan organisasi Kementerian Luar.